
MENGANALISA PULAU PINANG, MALAYSIA DAN KAWASAN SERANTAU

Perbandingan Hukuman Hudud untuk Kesalahan *Sariqah* dan *Hirabah* di Brunei, Aceh, Kelantan dan Terengganu

Oleh **Nidhal Mujahid** (*Penganalisa, Program Kajian Politik*)¹

Rumusan Eksekutif

- Daripada kajian terhadap undang-undang hudud di Brunei, Aceh, Kelantan dan Terengganu, hukuman hudud seperti yang difahami ramai tidak dapat disimpulkan sebagai perintah Allah sepenuhnya ataupun seperti pelaksanaannya pada zaman Nabi kerana operasionalisasinya memerlukan *ijtihad* atau akal manusia.
- Penggunaan *ijtihad* yang diwarnai oleh perbezaan mazhab dan para *fujaha* (ahli-ahli fiqh), kesesuaian konteks setempat ('urf), dan konteks perundangan sedia ada menghasilkan variasi dalam peruntukan undang-undang untuk kesalahan *sariqah* (mencuri) dan *hirabah* (merompak) sungguhpun keempat-empat jurisdiksi ini bermazhabkan Shafie dan berbudayakan Nusantara.
- Pokoknya, hukuman hudud untuk kesalahan *sariqah* dan *hirabah* hanya terdapat dalam peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah di Brunei, Kelantan, dan Terengganu tetapi tidak di Aceh. Pada masa yang sama, pemerintah dikecualikan daripada hukuman hudud di Brunei, Kelantan dan Terengganu.
- Nilai 1 *Diyat* sebagai ganti rugi kepada mangsa jenayah *hirabah* atas kecederaan anggota tunggal (contoh hidung) juga berbeza iaitu B\$340,000 (RM 1,014,733) di Brunei, 4450 gram emas (RM 703,434) di Kelantan, dan 100 ekor unta (RM 590,000) di Terengganu.
- Tokoh-tokoh seperti Dr Jaser Auda dan Sheikh Yusuf Qardawi turut menggariskan syarat penting untuk pelaksanaan hukuman hudud seperti tiadanya keraguan (*Syubhah*) dan wujudnya jaminan-jaminan untuk keadilan, keamanan sosial, keamanan ekonomi dan layanan persamaan dalam undang-undang.

¹ Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada saudara Marwan Bukhari (Institut Maqasid Shariah Malaysia) dan Ustaz Wan Ji (Sekolah Pemikiran As Syatibi) atas perkongsian ilmu atas topik ini. Segala pandangan dan penulisan adalah tanggungjawab penulis.

Perbandingan Hukuman Hudud untuk Kesalahan *Sariqah* dan *Hirabah* di Brunei, Aceh, Kelantan dan Terengganu

Oleh **Nidhal Mujahid** (Penganalisa, Program Kajian Politik)

1. Pendahuluan

Dalam pemahaman umum Muslim, hukuman-hukuman hudud adalah hukuman Allah yang tidak boleh ditokok tambah dan tidak boleh dipinda oleh manusia. Atas andaian ini, kesalahan dan hukuman hudud seharusnya sekata bagi empat jurisdiksi yang berpandukan mazhab Shafie dan naratif yang berbudayakan Melayu Nusantara di Negara Brunei, Wilayah Aceh di Indonesia, serta negeri-negeri Kelantan dan Terengganu di Malaysia.

Kajian ini akan membandingkan peruntukan bagi kesalahan *Sariqah* (mencuri) dan *Hirabah* (merompak) dan hukuman hudud bagi keempat-empat jurisdiksi ini dengan meneliti undang-undang yang berkaitan. (Jadual 1)

Jadual 1: Rangkuman Perlaksanaan Hukuman Hudud di Brunei, Aceh, Kelantan, dan Terengganu

Jurisdiksi	Nama undang-undang	Golongan yang terangkum	Kekecualian	Sumber kuasa undang-undang	Sebab jika digantung atau tidak berkuatkuasa
Brunei	Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013	Muslim dan bukan Muslim yang mumaiyiz dan akil baligh, untuk kesalahan-kesalahan mencuri, merompak, merogol dan meliwat. ²	Sultan Brunei di bawah Perkara 84(B)(1). ³	Perintah dibuat di bawah perkara 83(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam	Ditangguhkan perlaksanaannya menurut satu kenyataan oleh Kementerian Hal-ehwal Agama pada Julai 2015. ⁴ Tiada sebab diberikan.

² Bahagian II, Kecualian Am, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Perintah dibuat dibawah Perkara 83(3), Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Juga lihat petikan daripada syarahan Tun Abdul Hamid yang bertajuk: “Implementation of Hudud in Brunei: Differences Between Brunei and Malaysia”, Disusun oleh IAIS (International Institute of Advanced Islamic Studies) yang berbunyi, “Generally, the Order is applicable to both Muslims and non-Muslims. For example, offences of theft, robbery, rape and sodomy...”, URL: http://www.iais.org.my/e/attach/11FEB2014_Hudud/IMPLEMENTATION%20OF%20HUDUD%20IN%20BRUNEI%20Differences%20BETWEEN%20BRUNEI%20AND%20MALAYSIA%20AIS%2011%2002%202014.pdf

³ “Perkara 84B (1): Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak pandai berbuat salah sama ada atas sifat peribadi atau rasmi Baginda. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh Baginda dalam masa atau selepas pemerintahan Baginda sama ada atas sifat peribadi atau rasmi Baginda.”

⁴ Straits Times, (2015), “Brunei yet to implement harsher syariah penalties”, Strait Times, July 13, 2016. URL: <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/brunei-yet-to-implement-harsher-syariah-penalties>.

Jurisdiksi	Nama undang-undang	Golongan yang terangkum	Kekecualian	Sumber kuasa undang-undang	Sebab jika digantung atau tidak berkuatkuasa
Aceh	Qanun Aceh Nomor 6 Tahun 2014 Tentang Hukum Jinayat.	Muslim; Golongan bukan Muslim jika (a) melakukan jinayat bersama-sama dengan Muslim dan menerima hukuman jinayat di bawah Qanun secara sukarela; (b) melakukan kesalahan yang termaktub dalam Qanun ini tetapi tidak dalam Kitab Undang-undang Hukum Pidana. ⁵	Orang yang dipaksa dan diancam kecuali perbuatan tersebut merugikan orang lain; atau orang yang mempunyai masalah mental seperti termaktub di dalam Qanun Jinayat Aceh Pasal 10(a)(b).	Berdasarkan amanah Pasal 125 Undang-Undang Nomor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh, hukum Jinayat (hukum Pidana) merupakan sebahagian daripada Syari'at Islam yang dilaksanakan di Aceh.	(Tiada)
Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015)	Rakyat Malaysia beragama Islam yang mukallaf. ⁶	Yang Di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu di bawah Perkara 182 Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. ⁷	Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan	"Perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan" dalam Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan; Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) [Akta 355]
Terengganu	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Terengganu 1423H/2002M				

Perbezaan paling jelas di antara keempat-empat jurisdiksi ini ialah hukuman hudud bagi kesalahan *Sariqah* dan *Hirabah* hanya diperuntukkan di Brunei, Kelantan dan Terengganu sahaja tetapi tidak di Aceh. Dari segi pemakaianya, undang-undang syariah turut dikenakan ke atas orang bukan Muslim di Brunei (untuk kesalahan melibatkan ruang awam dan nyawa orang lain seperti sariqah dan hirabah, rogol dan liwat) dan Aceh (sebagai pilihan sukarela kepada orang bukan Muslim yang melakukan kesalahan jenayah syariah bersama-sama dengan orang Islam; dan juga apabila sesuatu kesalahan jenayah syariah yang dilanggar itu tidak dikawal di bawah undang-undang sivil/pidana) tetapi tidak dikenakan di Kelantan dan Terengganu.

⁵ Qanun Aceh No. 6 (2014) Tentang Hukum Jinayat - Pasal 5 Qanun ini berlaku untuk: (a) Setiap Orang beragama Islam yang melakukan Jarimah di Aceh (b) Setiap Orang beragama bukan Islam yang melakukan Jarimah di Aceh bersama-sama dengan orang Islam dan memilih serta menundukkan diri secara sukarela pada Hukum Jinayat; (c) Setiap Orang beragama bukan Islam yang melakukan perbuatan Jarimah di Aceh yang tidak diatur dalam Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP) atau ketentuan pidana di luar KUHP, tetapi diatur dalam Qanun ini; (d) Badan Usaha yang menjalankan kegiatan usaha di Aceh.

⁶ Ini termaktub di seksyen 2 dan seksyen 6 dalam enakmen berkenaan di negeri Kelantan dan Terengganu.

⁷ "Apa-apa prosiding oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya hendaklah dibawa di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Fasal (1).

Akan tetapi, tidak semua Muslim yang dewasa tertakluk kepada undang-undang ini. Di Brunei, sultannya secara tersurat dikecualikan dengan asas di dalam undang-undang "tidak pandai berbuat salah" manakala Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu dikecualikan di Kelantan dan Terengganu kerana raja-raja Melayu dan Yang Di-Pertuan Agong hanya boleh dibicarakan di mahkamah khas seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 182(2) Perlembagaan Malaysia. Secara perbandingan, di Aceh pelaksanaan hukuman hudud di Aceh dijalankan secara menyeluruh dalam konteks kelas sosial dan kekecualian hanya terpakai bagi orang yang tidak waras.

Sebahagian daripada amalan yang berbeza ini memiliki asas al-Quran dan as-Sunnah tetapi selebihnya mungkin berasaskan ijihad atau akal manusia, sama ada yang bertaraf ijmak (kesepakatan ulamak) atau tidak. Surah al-Ahzab Ayat 36 menetapkan bahawa umat Islam sebagai orang yang beriman mesti mengikuti keputusan Allah dan Rasul-nya. Tidak ada asas al-Quran atau as-Sunnah yang menyokong pelaksanaan hukuman syariah ke atas golongan bukan Muslim seperti di Aceh dan Brunei. Hadis Shahih Muslim No. 3196 pula menekankan bahawa tidak ada Muslim yang boleh dikecualikan daripada menerima hukuman hudud jika mencuri oleh kerana kedudukan sosialnya, sekalipun Fatimah putri Rasulullah S.A.W. Tiada asas al-Quran atau as-Sunnah yang dapat menyokong pengecualian perintah hukuman hudud seperti di Aceh, Kelantan dan Terengganu. (Jadual 2)

Jadual 2: Sumber Asas al-Quran, as-Sunnah terhadap rangkuman pelaksanaan hukuman hudud

Sumber	Merangkumi Muslim sahaja	Merangkumi semua Muslim tanpa kekecualian ke atas status masyarakat (Aceh)	Mengecualikan sebahagian Muslim kerana kedudukan sosial (Brunei, Kelantan dan Terengganu)	Merangkumi bukan Muslim (Brunei dan Aceh)
Quran	(Surah al-Ahzab Ayat 36) ⁸	-Tiada-	-Tiada-	-Tiada-
Sunnah	-Tiada-	(Shahih Muslim No.3196) ⁹	-Tiada-	-Tiada-

2. Sumber-sumber Hukuman Hudud bagi Kesalahan *Sariqah* dan *Hirabah*

Hukuman memotong tangan untuk kesalahan *Sariqah* memiliki asas dalam Surah al-Maidah (ayat 38-39) dan Hadis Riwayat Imam Bukhari (Vol. 8 Hadis 780) dengan mensyaratkan nilai ambang (*threshold*) satu dinar bagi nilai benda yang dicuri (Jadual 3). Hukuman bunuh dan memotong tangan dan kaki untuk kesalahan *hirabah* pula diperuntukkan dalam Surah al-Maidah (ayat 33) dan Hadis Riwayat Imam al-Bukhari (226) (Jadual 4).

⁸ "Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan-apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata."

⁹ "Sabda Rasulullah: Wahai manusia! Sesungguhnya yang membina-sakan umat-umat sebelum kamu ialah, manakala seorang yang terhormat di antara mereka mencuri, maka mereka membiarkannya. Namun bila seorang yang lemah di antara mereka mencuri, maka mereka akan melaksanakan hukum hudud atas dirinya. Demi Allah, sekiranya Fatimah putri Muhammad mencuri, niscaya akan aku potong tangannya."

Kesalahan Sariqah dan Hirabah sememangnya termaktub dalam undang-undang hudud di Negara Brunei, Negeri Kelantan, dan Negeri Terengganu sahaja, tetapi dikecualikan dalam undang-undang hudud di Wilayah Aceh. Secara amnya hukuman hudud di Aceh hanya melibatkan hukuman penjara, denda, dan sebatan. Hukuman hudud yang melibatkan kecederaan fizikal yang serius seperti hukuman potong tangan atau rejam tidak diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada di Wilayah Aceh. Hal ini mungkin kerana peruntukan yang terbatas bagi Hak Asasi Manusia dalam Perjanjian Helsinki, satu bentuk *Ijtihad* yang akhirnya membawa kepada pendamaian di Aceh.¹⁰

Jadual 3: Sumber Quran untuk kesalahan Sariqah

Sumber	Negara Brunei	Negeri Kelantan	Negeri Terengganu
Quran	<p>Surah al-Maidah (ayat 38-39)</p> <p><i>“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan (curi) itu dan memperbaiki amal usahanya, sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”</i></p>		
Sunnah	<p>Hadis Riwayat Imam Bukhari (Vol. 8 Hadis 780)</p> <p><i>“tidak akan dipotong tangan seorang pencuri melainkan harta yang dicuri itu 1/4 dinar atau lebih”</i></p>		

Jadual 4: Sumber Quran untuk kesalahan Hirabah

Sumber	Negara Brunei	Negeri Kelantan	Negeri Terengganu
Quran	<p>Surah al-Maidah (ayat 33)</p> <p><i>“Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar.”</i></p>		
Sunnah	<p>Hadis Riwayat Imam al-Bukhari (226)</p> <p><i>“Beberapa orang dari 'Uki atau 'Urainah datang ke Madinah, namun mereka tidak tahan dengan iklim Madinah hingga mereka pun sakit. Beliau lalu memerintahkan mereka untuk mendatangi unta dan meminum air seni dan susunya. Maka mereka pun berangkat menuju kandang unta (zakat), ketika telah sembuh, mereka membunuh pengembala unta Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan membawa unta-untanya. Kemudian berita itu pun sampai kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menjelang siang. Maka beliau mengutus rombongan untuk mengikuti jejak mereka, ketika matahari telah tinggi, utusan beliau datang dengan membawa mereka. Beliau lalu memerintahkan agar mereka dihukum, maka tangan dan kaki mereka dipotong, mata mereka dicongkel, lalu mereka dibuang ke pada pasir yang panas. Mereka minta minum namun tidak diberi.” Abu Qilabah mengatakan, “Mereka semua telah mencuri, membunuh, murtad setelah keimanan dan memerangi Allah dan rasul-Nya.”</i></p>		

¹⁰ Memorandum of Understanding Between the Government of the Republic of Indonesia and The Free Aceh Movement in Chapter 1.4.2 *The legislature of Aceh will redraft the legal code for Aceh on the basis of the universal principles of human rights as provided for in the United Nations International Covenants on Civil and Political Rights and on Economic, Social, and Cultural Rights.*

3. Kajian bagi Empat Jurisdiksi

3.1 Definisi *Sariqah* dan *Hirabah*

Sariqah bermaksud mencuri dan *Hirabah* bermaksud merompak. Berdasarkan definisi ketiga-tiga jurisdiksi ini, *Sariqah* ditakrifkan sebagai seseorang individu yang memindah atau mengambil harta orang lain dengan cara sembunyi tanpa persetujuan tuan barang tersebut. Manakala definisi untuk *Hirabah* ialah merampas harta orang lain sama ada menggunakan kekerasan atau ugutan secara individu atau berkumpulan.

3.2 Kadar Nilai Nisab sebagai Ambang Hukuman *Sariqah* dan *Hirabah*

Meskipun ia berasal dari sumber asas al-Quran dan as-Sunnah, namun jika diteliti secara terperinci terdapat perbezaan dari segi penetapan kadar had *nisab* harta yang dicuri atau dirompak untuk membolehkan perlaksanaan hukuman hudud. Berdasarkan harga emas semasa, hukuman hudud boleh dikenakan untuk pencuri dan perompak jika harta benda yang terlibat melebihi RM 671.82 di Brunei atau RM 703.43 di Kelantan dan Terengganu.¹¹ Ini bermakna kebolehgunaan hukuman hudud ke atas kesalahan mencuri dan merompak tertakluk kepada harga emas pada hari kejadian jenayah. (Jadual 5)

Jadual 5: Kadar *nisab* bagi syarat harta pencurian *Sariqah* dan *Hirabah*

<i>Sariqah</i> dan <i>Hirabah</i>	Kadar had <i>nisab</i> harta dicuri untuk dalam hukuman hudud	Peruntukan dalam undang-undang
Negara Brunei	1 Dinar (4.25 gram emas) atau nilainya dalam mata wang tempatan	Bab 54
Negeri Kelantan	Harga emas semasa seberat 4.45 gram atau suatu jumlah wang yang akan ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dari semasa ke semasa mengikut hukum <i>syarak</i> ".	Seksyen 3
Negeri Terengganu	Harga emas semasa seberat 4.45 gram atau suatu jumlah wang yang akan ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dari semasa ke semasa mengikut hukum <i>syarak</i> ".	Seksyen 2

¹¹ Mengikut sebut harga di <https://www.hargaemas.com.my/> pada 7hb Ogos 2018, harga menjual 1 gram emas ialah RM 160.34 manakala harga membeli 1 gram ialah RM 155.81, yakni harga purata untuk 1 gram emas yang digunakan ialah RM 158.08.

3.3 Asas-asas Pengecualian Hukuman Hudud bagi Kesalahan Sariqah dan Hirabah

Selain memenuhi nilai minimum bagi harta benda yang dicuri atau dirompak, pengenaan hukuman hudud juga tersekat oleh asas-asas pengecualian yang disenaraikan dalam undang-undang. Ini bermakna pesalah yang disabit hanya boleh dikenakan hukuman takzir (budi bicara). Sekali lagi, senarai ini sedikit berbeza mengikut jurisdiksi. Misalnya, pesalah di Kelantan akan terlepas daripada hukuman hudud jika harta benda yang dicuri adalah milikan *baitumal* (Jadual 6).

Jadual 6: Pengecualian bagi kesalahan Sariqah

No	Pengecualian untuk kesalahan Sariqah (Peruntukan dalam undang-undang)	Brunei (Bab 56)	Kelantan (Seksyen 8)	Terengganu (Seksyen 26)
1	Apabila kesalahan itu tidak dapat dibuktikan dengan keterangan yang dikehendaki	[Bab 55 3(a)]	[Seksyen 42]	Ya
2	Bukan Mukallaf	Ya	[Seksyen 2]	Ya
3	Tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengambil langkah yang cukup untuk menjaga harta itu daripada kena curi	Ya	Ya	Ya
4	Pesalah itu belum lagi mendapat milik yang sepenuhnya terhadap harta yang dicuri itu, walaupun tuan punya tidak lagi mempunyai jagaan atau milikan ke atas harta tersebut	Ya	Ya	Ya
5	Harta yang dicuri adalah daripada jenis harta yang tidak ada nilai dan boleh didapati dengan banyaknya di merata-rata tempat ataupun jenis harta yang mudah musnah	Ya	Ya	Ya
6	Harta yang dicuri tidak mempunyai apa-apa nilai mengikut Hukum Syarak	Ya	Ya	Ya
7	Dilakukan oleh pemberi hutang ke atas harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang itu; nilai harta yang dicuri itu tidak melebihi jumlah hutang atau nilai harta yang dicuri itu melebihi jumlah hutang tetapi tidak melebihi nisab	Ya	Ya	Ya
8	Dilakukan dalam keadaan yang amat mendesak, seperti perang, kelaparan, penyakit dan bencana alam	Ya	Ya	Ya
9	Berlaku dalam keluarga seperti isteri mencuri daripada suaminya dan sebaliknya atau anak mencuri daripada bapanya dan sebaliknya	Ya	Ya	Ya
10	Dilakukan oleh sekumpulan orang yang mana bahagian yang diperolehi oleh tiap-tiap seseorang daripada pesalah itu setelah dibahagikan harta yang dicuri atau hasilnya sesama mereka adalah kurang daripada nisab	Ya	Ya	Ya

No	Pengecualian untuk kesalahan Sariqah (Peruntukan dalam undang-undang)	Brunei (Bab 56)	Kelantan (Seksyen 8)	Terengganu (Seksyen 26)
11	Pesalah itu mengembalikan harta yang dicuri itu sebelum hukuman hudud dilaksanakan	Ya	Ya	Ya
12	Tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengaku bahawa hartanya yang dicuri, walaupun pesalah itu telah membuat <i>iqrar</i> muncurinya	Ya	Ya	Ya
13	Pesalah itu membuat bantahan yang boleh diterima oleh Hukum Syarak terhadap saksi-saksi	Ya	Ya	Ya
14	Harta yang dicuri itu atau keadaan dalam mana kesalahan itu dilakukan mengikut Hukum Syarak tidak ada hukuman hudud yang boleh dikenakan ke atasnya	Ya	Ya	Ya
15	Disabitkan atas <i>iqrar</i> pesalah, tetapi dia menarik balik <i>iqrar</i> sebelum pelaksanaan hukuman hudud;	[Bab 184]	[Seksyen 43]	Ya
16	Pesalah memiliki harta yang dicuri secara sah selepas mencuri dan sebelum keputusan atas kesalahan sariqah dibuat	Tidak	Ya	Ya
17	Pesalah itu diizinkan masuk dalam tempat simpanan	Tidak	Tidak	Ya
18	Pelaksanaan hukuman potong tangan membahayakan atau mengancam nyawa penjenayah	Tidak	Ya	Ya
19	Tangan kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong	Ya	Ya	Ya
20	Harta yang dicuri itu harta alih yang disediakan untuk faedah orang awam	Ya	Tidak	Tidak
21	Mencuri harta atau barang kepunyaan <i>baitulmal</i>	Tidak	Ya	Tidak

Ketiga-tiga jurisdiksi ini juga menyenaraikan asas-asas pengecualian untuk pelaksanaan hukuman hudud untuk kesalahan *Hirabah*. Terengganu memperuntukkan sebanyak tiga asas pengecualian berbanding dengan tiga di Kelantan dan satu di Brunei. Selain itu, untuk Kelantan, asas-asas pengecualian untuk kesalahan *Hirabah* boleh juga digunakan apabila sesuai (Jadual 7).

Jadual 7: Asas-asas pengecualian untuk kesalahan *Hirabah*

No	Pengecualian untuk kesalahan Hirabah (Peruntukan dalam undang-undang)	Brunei (Bab 64)	Kelantan (Seksyen 11)	Terengganu (Seksyen 24)
1	Sepertimana yang diperuntukkan dalam asas pengecualian kesalahan <i>Sariqah</i> mengikut pemakaian yang sesuai	Ya	Ya	Ya
2	Pesalah menyerah diri dengan sukarela sebelum proses undang-undang dimulakan dengan syarat pesalah mengisyiharkan taubatnya di hadapan Hakim atau Pendakwa <i>Syarie</i>	Tidak	Ya	Ya
3	Menyerah balik harta yang dirompak kepada pihak berkuasa atau pemilik yang daripadanya harta dirompak	Tidak	Ya	Ya
3	Menyerah balik harta yang dirompak kepada pihak berkuasa atau pemilik yang daripadanya harta dirompak	Tidak	Ya	Ya
4	Apabila pesalah meninggalkan perbuatan jenayah <i>Hirabah</i> atau <i>Sariqah</i> sebelum proses undang-undang berjalan ke atas perbuatannya	Tidak	Tidak	Ya
5	Mangsa jenayah belum mempunyai pengetahuan dengan jelas ke atas perbuatan pesalah dengan syarat pesalah mengisyiharkan taubatnya di hadapan Hakim atau Pendakwa <i>Syarie</i>	Tidak	Tidak	Ya
6	Apabila pesalah menyerah diri dengan sukarela sebelum proses undang-undang mula digerakkan.	Tidak	Tidak	Ya

3.4 Hukuman Hudud untuk *Sariqah* dan *Hirabah*

Pada asasnya, hukuman hudud untuk kesalahan sariqah seperti dinyatakan di dalam Quran adalah potong tangan dan kaki. Ketiga-tiga jurisdiksi ini memperuntukkan hukuman yang sama untuk kesalahan kali pertama dan kedua (hanya dengan lebih perincian untuk Brunei), tetapi berbeza sedikit untuk tempoh penjara bagi kesalahan seterusnya (Jadual 8).

Jadual 8: Hukuman bagi kesalahan Sariqah

Kesalahan Sariqah (Peruntukan dalam undang-undang)	Brunei (Bab 55)	Kelantan (Seksyen 7)	Terengganu (Seksyen 20)
Kesalahan Pertama	Dipotong pada sendi pergelangan tangan kanannya	Dipotongkan tangan kanannya	
Kesalahan Kedua	Dipotong kaki kirinya sehingga ke buku lali	Dipotongkan kaki kirinya	
Kesalahan Ketiga dan berikutnya	Dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun	Selama tempoh yang difikirkan patut oleh mahkamah yang tidak melebihi lima belas tahun untuk menjadikan pesalah itu sedar dan sesal.	Dipenjarakan selama tempoh yang munasabah di atas pertimbangan dan budi bicara Mahkamah untuk menjadikan pesalah itu sedar dan menyesal

Hukuman hudud untuk kesalahan *Hirabah* itu lebih menampakkan perbezaan merentasi jurisdiksi. Yang paling ketara, pesalah yang membunuh dan mengambil harta akan dihukum bunuh sahaja tetapi pesalah yang sama akan disalib mayatnya selepas dihukum bunuh di Kelantan dan Terengganu. Bagi pesalah yang “merampas harta sampai nilai *nisab* tanpa kecederaan”, undang-undang Kelantan dan Terengganu mengenakan *Diyat* atau *Irsy* selain hukuman potong tangan dan kaki (Jadual 9).

Jadual 9: Hukuman bagi kesalahan *Hirabah*

Konteks/Senario Kesalahan <i>Hirabah</i> (Peruntukan dalam undang-undang)	Brunei (Bab 63)	Kelantan (Seksyen 10)	Terengganu (Seksyen 23)
Membunuh, mengambil harta	Bunuh	Bunuh dan disalib	
Membunuh tanpa mengambil harta		Bunuh	
Merampas harta sampai nilai <i>nisab</i> dengan kecederaan	Potong tangan kanan dipergelangannya dan kaki kiri di buku lali	Dihukum potong tangan kanan dan kaki kirinya	
Merampas harta sampai nilai <i>nisab</i> tanpa kecederaan			Maka <i>Diyat</i> atau <i>Irsy</i> hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada hukuman potong tangan dan kaki
Dilakukan bersama oleh lebih seorang; jika nilai setiap seorang sampai kepada <i>nisab</i> atau lebih	Potong tangan dan kaki	(Tiada)	
Sekiranya ugutan sahaja digunakan dengan tidak mengambil apa-apa harta atau tidak menyebabkan apa-apa kecederaan.”	(Tiada)	Dipenjarakan selama tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah yang tidak melebihi lima tahun	Dipenjarakan selama tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah yang akan membawa pesalah itu kepada kesedaran dan kesesalan

3.5 Nilai *Diyat* (Jadual dengan huraian ringkas termasuk anggaran nilai semasa)

Diyat bermaksud sejumlah harta yang dituntut oleh waris mangsa sama ada dibunuh dengan tidak sengaja dan sengaja (jika wali mangsa memaafkan perbuatan pesalah tersebut) atau dicederakan secara sengaja dan tidak sengaja. Ini berasaskan Surah an-Nisa ayat 92¹² dengan butirannya dalam Hadis Sahih Sunan Abu Dawud.¹³

Sungguhpun sumbernya sama, ketiga-tiga jurisdiksi menetapkan nilai 1 diyat dengan nilai semasa yang amat berbeza: 100 Dinar (4250 gram emas) atau B\$340,000 di Brunei, 4450 gram emas di Kelantan dan 100 ekor unta di Terengganu (Jadual 10). Mengikut kadar pertukaran Dolar Brunei, harga semasa untuk emas¹⁴ dan unta (2010)¹⁵ di Malaysia, 1 diyat samalah nilainya dengan RM1,014,733 di Brunei, RM703,434 di Kelantan dan RM590,000 di Terengganu.

Jadual 10: Kadar *Diyat* mengikut nilai semasa

No	<i>Diyat</i>	Brunei	Kelantan	Terengganu
1	Kadar 1 <i>Diyat</i>	100 Dinar (4250 gram emas) atau nilainya dalam mata wang tempatan	4450 gram emas atau kadar yang ditetapkan oleh DYMM Sultan dari semasa ke semasa	100 ekor unta atau kadar ditetapkan oleh DYMM Sultan dari semasa ke semasa mengikut syarak
2	Sumber rujukan undang-undang	Bab 120 Bahagian IV, kesalahan-kesalahan Penggal II, Qatl dan Kecederaan, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Brunei Darussalam	Seksyen 3. Tafsiran Enakmen 13 Tahun 2015 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (li) 1993 (2015)	Seksyen 2. Tafsiran Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 1423h/2002m
3	Anggaran nilai semasa++	B\$340,000 ataupun RM1,014,733.40 ¹⁶	RM703,434.00.00	RM590,000 .00

¹² “Dan tidak layak bagi seorang mukmin membunuh seorang mukmin (yang lain), kecuali karena tersalah (tidak sengaja), dan barangsiapa membunuh seorang mukmin karena tersalah (hendaklah) ia memerdekaan seorang hamba sahaya yang beriman serta membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh itu), kecuali jika mereka (keluarga terbunuh) bersedekah. Jika ia (si terbunuh) dari kaum (kafir) yang ada perjanjian (damai) antara mereka dengan kamu, maka (hendaklah si pembunuh) membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh) serta memerdekaan hamba sahaya yang beriman. Barangsiapa yang tidak memperolehnya, maka hendaklah ia (si pembunuh) berpuasa dua bulan berturut-turut untuk penerimaan taubat dari pada Allah. Dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

¹³ Buku 34, Perkara 1661, no. 4527: “Barangsiapa membunuh seorang mukmin, maka perkaryanya diserahkan kepada wali korban. Apabila mereka menghendaki, mereka boleh membunuh dan apabila mereka tidak menghendaki, mereka boleh mengambil diyat. Yaitu berupa 30 ekor hijqah (unta betina berumur tiga tahun masuk empat tahun), 30 ekor jadza’ah (unta betina berumur empat tahun masuk lima tahun) dan 40 ekor khalifah (unta betina yang sedang bunting). Apa yang baik bagi mereka, maka mereka boleh mengambilnya. Yang demikian untuk memberatkan tebusan.”

¹⁴ Ibid, 10.

¹⁵ Harga pasaran seekor unta pada 19hb Oktober 2010 ialah RM 5,900 berdasarkan sebut harga di laman Ibadah Korban: <http://www.majalah.com/?classified.unta-untuk-ibadah-qurban.67XS210W2P>. Sebut harga yang lebih terkini tidak dapat dicari.

¹⁶ Seperti termaktub dalam Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah Brunei Darussalam di Bahagian IV, kesalahan-kesalahan, Penggal II, Qatl dan Kecederaan dalam Bab 120 Kadar Diyat yang tertulis: “Misalan Jika Harga pasaran bagi 1 gram emas ialah \$80, maka kadar bagi diyat penuh dalam mata wang Brunei Darussalam adalah \$ 340,000.” Mengikut kadar pertukaran \$1 kepada RM 2.98451 pada 8hb Ogos, 2018 seperti di <https://www.xe.com/currencyconverter/convert/?Amount=1&From=BND&To=MYR>, ini bersamaan dengan RM 1,014,733.40

3.6 Jumlah *Diyat* untuk *Hirabah*

Jumlah *Diyat* yang ditetapkan sebagai ganti rugi untuk jenis kecederaan yang berlainan juga berbeza mengikut jurisdiksi. "Mencabut kesemua rambut di kepala, janggut, misai, bulu kening, bulu mata dan di mana-mana sahaja badan" tidak tersenarai di bawah undang-undang Brunei tetapi menjadi suatu kesalahan yang sangat serius di Kelantan dan Terengganu sehingga jumlah *Diyat* yang perlu dibayar itu adalah dua kali ganda jumlah *Diyat* untuk kehilangan sebelah tangan (contoh anggota berpasangan) dan sama banyak dengan kehilangan hidung (contoh anggota tunggal) (Jadual 11). Hukuman *Diyat* dan had penjara adalah sama untuk kecederaan-kecederaan lain bagi ketiga-tiga jurisdiksi ini. (Jadual 12)

Jadual 11: Jumlah *Diyat* untuk Kecederaan Anggota Badan dalam Kesalahan *Hirabah*

No	Jenis kecederaan (Peruntukan Undang-Undang)	Kelantan (Jadual II subseksyen 38(a))	Terengganu (Jadual II subseksyen 41(a))	Brunei (Jadual Kedua bab-bab 63(1)(c) dan 169(2)(i))			
				Kadar <i>Diyat</i>	Tempoh penjara		
1	Kehilangan anggota yang tunggal, seperti hidung atau lidah	<i>1 Diyat</i>			<=10 tahun		
2	Kehilangan anggota yang berpasangan seperti tangan, kaki, mata, bibir, buah dada dan telinga	<i>1 Diyat</i> : jika sepasang cedera <i>1/2 Diyat</i> : jika satu sahaja cedera					
3	Kehilangan anggota yang berempat seperti bulu mata atau kelopak mata	<i>1/4 Diyat</i> : satu anggota cedera <i>1/2 Diyat</i> : dua anggota cedera <i>3/4 Diyat</i> : tiga anggota cedera <i>1 Diyat</i> : keempat-empat anggota cedera					
4	Satu jari tangan atau jari kaki	<i>1/10 Diyat</i>					
5	Satu sendi jari						
6	Satu sendi ibu jari						
7	Sebatang gigi yang bukan gigi susu	<i>1/20 Diyat</i>					
8	Dua puluh batang gigi	<i>1 Diyat</i>					
9	Sebatang gigi susu	<i>1/50 Diyat</i>	Ditentukan oleh mahkamah	(Tiada)			
10	Mencabut kesemua rambut di kepala, janggut, misai, bulu kening, bulu mata dan di mana-mana sahaja badan	<i>1 Diyat</i>			(Tiada)		

Jadual 12: Jenis kecederaan selain kepala atau muka dan jumlah *Diyat* bagi kesalahan *Hirabah*

No	Jenis cedera selain di kepala atau muka (<i>Jurh</i>) (Peruntukan dalam undang-undang)	Negara Brunei (Jadual Ketiga bab 169(2)(ii)), Negeri Kelantan (Jadual IV subseksyen 38(c)), dan Negeri Terengganu (Jadual IV subseksyen 41(c))	
		Jumlah <i>Diyat</i> /rsy	Tempoh Penjara
1	Luka yang menembusi anggota badan (<i>Jaifah</i>)	1/3 <i>Diyat</i>	<=10 tahun
2	Luka yang lain daripada (<i>Jaifah</i>):	Sebanyak mana yang ditentukan oleh mahkamah	<=3 tahun
(a)	Carik kulit dan berdarah (<i>Damiyah</i>)		
(b)	Luka yang tidak mendedahkan tulang (<i>Badhi'ah</i>)		
(c)	Luka yang mendedahkan tulang (<i>Mudhiyah</i>)		
(d)	Patah tulang yang tidak menggelincangkan sendi (<i>Mudhiyah</i>)		
(e)	Patah tulang yang tidak menggelincangkan sendi (<i>Hashimah</i>)		
(f)	Patah yang menggelincangkan sendi (<i>Munaqqilah</i>)		<=5 tahun
			<=7 tahun

3 Rumusan

Berdasarkan kajian terhadap undang-undang di Brunei, Aceh, Kelantan dan Terengganu, hukuman hudud seperti yang difahami sekarang tidak dapat disimpulkan sebagai perintah Allah sepenuhnya ataupun seperti pelaksanaannya pada zaman Nabi kerana operasionalisasinya memerlukan *Ijtihad*. Perbezaannya termasuklah dari segi mazhab dan *Ijtihad* para *fuqaha* (ahli-ahli fiqh), kesesuaian konteks setempat ('urf), dan konteks perundangan sedia ada.

Hakikat bahawa perlaksanaan hukuman hudud di Aceh yang hanya melibatkan hukuman sebat, hukuman penjara, dan denda menunjukkan bahawa wujudnya sikap pragmatisme pendukung-pendukung hukuman hudud dalam menggunakan *Ijtihad* dan mempertimbangkan kesesuaian konteks tempatan dalam melaksanakan hudud.

Jika pragmatisme ini boleh diterima dari segi perinciannya, adakah ia tidak boleh diterima dalam perkara asas iaitu sama ada perlaksanaan Hudud ini boleh ditangguhkan jika tidak menepati objektif syariah tersebut?

Pernah berlaku pada zaman Khalifah Umar al-Khatab, pelaksanaan hudud digugurkan untuk tempoh tertentu dan ia berlaku di wilayah yang terlibat dengan bencana kemarau dan kebuluran. "Tindakan Khalifah Umar r.a ketika tahun berlakunya kemarau, beliau menggugurkan hudud pada tahun itu hanyalah kerana keraguan yang menolak pelaksanaannya iaitu keperluan (orang-orang yang lapar). Bukanlah sebagaimana yang disangkakan oleh sebahagian orang bahawa beliau

telah membatalkan hukum hudud demi maslahah atau pendapat peribadi yang difikirkannya (al-Syeikh Ahmad al-Gharib, *Falsafah al-Hudud baina Jamal al-Tasyri' wa 'Adalah al-Tathbiq*, hal.69)¹⁷

Dr. Jasser Auda seorang tokoh dalam bidang syariah dan maqasid syariah menggariskan dua aspek untuk dipertimbangkan. Pertama dari aspek keimanan iaitu sebagai muslim yang beriman kepada Allah, seseorang itu tidak boleh mengingkari kewajipan hudud. Aspek kedua adalah dari segi perlaksanaannya iaitu jika ia menimbulkan banyak keraguan (*Syubhah*) maka hukuman *hudud* itu tergugur. Hal ini adalah berdasarkan sebuah hadis yang pada asalnya lemah tetapi diperkuat dengan hadis lain dari segi makna mafhumnya: "Hudud gugur dengan sebab wujud *Syubhah*". Menurut pandangan Dr. Jasser Auda, antara *Syubhah* (keraguan) yang boleh berlaku adalah seperti sistem kehakiman yang diragui, kerosakan akhlak, banyak penipuan, dan kemerosotan ekonomi.¹⁸

Pandangan bahawa penangguhan hudud atas faktor keadaan realiti turut disokong oleh Dr. Yusof Al-Qardhawi yang mengatakan bahawa hukuman hudud boleh dilaksanakan jika wujudnya jaminan-jaminan mewujudkan keadilan, perlaksanaan keadilan, keamanan sosial, keamanan ekonomi dan layanan persamaan dalam undang-undang. Selain itu, ujar beliau lagi hudud tidak akan dilaksanakan melainkan orang ramai jelas pandangannya tentang keseluruhan ajaran Islam dalam akidah, syariah, akhlak, adab, dan lain-lain dalam erti kata menegakkan masyarakat Islam yang sebenar.¹⁹

¹⁷ Pandangan ini diambil dari laman web akademi tarbiyah Dewan Pemuda PAS 2011-2018: <http://www.tarbawi.my/2016/12/benarkah-khalifah-umar-tangguhkan-hudud.html>

¹⁸ Pendapat Dr. Jasser Auda; dalam temubual Majalah Al-Ustaz Isu no. 54

¹⁹ <https://www.youtube.com/watch?v=rzJiegGJuts>